

# 40 peratus pelajar UMS diambil bekerja pada 2013

UB 19.2.2014 A2

Oleh S.CONNIE PEARL SUIL

**KOTAKINABALU:** Statistik pada tahun 2013 menunjukkan hampir 40 peratus pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) diambil bekerja dalam masa beberapa bulan selepas tamat pengajian.

Naib Canselor Profesor Datuk Dr Mohd Harun Abdullah berkata, menjelang hujung tahun ini bilangan dan peratus graduan yang diambil bekerja dijangka semakin bertambah.

“Statistik pekerjaan pada tahun-tahun sebelumnya juga dalam jumlah peratusan yang hampir sama.

“Ke mana sahaja kita pergi di seluruh Malaysia, kita akan bertemu dengan alumni UMS sama ada yang bekerja di agensi kerajaan, sektor korporat mahupun mempunyai syarikat sendiri,” katanya ketika menyampaikan amanat ‘Merobah Idea menjadi realiti’ di Dewan Canselor UMS, di sini, kelmarin.

Beliau berkata, setakat ini UMS berjaya melahirkan seramai 46,318 graduan dalam pelbagai

bidang dengan purata kemasukan pelajar baharu seramai 4,000 orang setahun.

Katanya, UMS juga dimantapkan dengan barisan tenaga pengajar seramai 936 orang dan dibantu oleh kakitangan pengurusan dan profesional serta kakitangan sokongan pelaksana seramai 1,726.

Dalam pada itu katanya, tanggungjawab meletakkan UMS setaraf dengan universiti terulung dunia dan dikenali di persada antarabangsa adalah satu cabaran yang perlu digalas bersama.

“Sudah tiba masanya UMS mengukuhkan kedudukan di peringkat antarabangsa. Antara langkah-langkah yang diambil oleh UMS adalah menjalinkan kerjasama memorandum persefahaman (MoU) dalam bidang penyelidikan marin dengan National University of Singapore (NUS),” katanya.

Menurut Harun, selain Korea, Republik China, Brunei Darussalam dan Timor Leste juga berhasrat kerjasama akademik pada tahun ini.

Beliau berkata, perkembangan terbabit adalah satu petanda baik

buat UMS dan adalah antara kerjasama penting yang perlu dimanfaatkan.

“Justeru, penyarah dan penyelidik UMS harus memanfaatkan jalinan kerjasama

ini idengan menghasilkan penemuan baharu dalam penyelidikan dan meningkatkan jumlah penerbitan ilmiah bertaraf antarabangsa agar imej UMS dikenali di persada antarabangsa,” katanya.



HARUN (kiri) melawat tapak pameran UMS.